

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan senarai pembangunan ekonomi, infrastruktur dan sosial yang telah dijalankan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi tahun 2019 di dalam kawasan Parlimen Cameron Highlands.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Kerajaan sentiasa mengambil berat dan prihatin terhadap keperluan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Pada tahun 2019, JAKOA telah meluluskan bantuan di bawah Projek Ladang Masyarakat Orang Asli sedia ada iaitu terdapat empat (4) projek sambungan yang telah dijalankan di Pos Lenjang, Pos Sinderut (Fasa 1 dan Fasa 2) dan Pos Titom. Manakala bagi Projek *Handsholding*, JAKOA telah meluluskan satu (1) projek fertigasi sayuran di Prosdet Pantos.

2. Pada tahun 2019 juga, Parlimen Cameron Highlands telah diperuntukan sebanyak RM3.376 juta untuk projek infrastruktur dan ameniti sosial. Pecahan projek adalah seperti berikut:

BIL.	SENARAI PROJEK	MAKLUMAT PROJEK		
		BIL. PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	BIL. PENERIMA MANFAAT
1	Projek Jalan Perhubungan	1	500,000.00	2,610
2	Projek Ameniti Sosial	166	2,876,000.00	830
	JUMLAH	167	3,376,000.00	3,440